

RENCANA

Sekitar 2,500 graduan telah menghadiri majlis konwoquesyen secara fizikal di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) yang berlangsung dari 5 Oktober hingga 12 Oktober. Baru-baru ini **BERITA HARIAN** berpeluang untuk mewawancarai beberapa individu yang telah meraih kecemerlangan meskipun menghadapi cabaran sepanjang perjalanan mereka. Ikuti laporan ini.

Ijazah dalam genggamannya walau lalui cabaran

Tidak patah semangat capai hasrat tukar kerjaya selepas pemergian ayah

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

SELAMA empat tahun, Cik Nur Atiqah Khalid telah bekerja di industri penjagaan kesihatan sebagai seorang juruteknik farmasi.

Bertemu pesakit setiap hari dan melihat mereka sembuh, Cik Atiqah banyak mendekati mereka dan sentiasa berusaha untuk menawarkan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka.

Meskipun berpeluang untuk membantu pesakit-pesakitnya, Cik Atiqah berasa bahawa banyak lagi yang boleh beliau lakukan untuk masyarakat.

Memutuskan untuk membuat pertukaran pertengahan kerjaya ke sektor sosial, Cik Atiqah, 27 tahun baru-baru ini meraih ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pekerjaan Sosial dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Sebagai seorang anak muda, Cik Atiqah selalu bersemangat untuk membantu mereka yang memerlukan.

Sebelum memulakan pengajiannya di SUSS, Cik Atiqah berkongsi idea untuk menceburi bidang yang baru tercetus ketika beliau menjadi sukarelawan di Persatuan Golongan Kurang Daya Intelek Singapura (MINDS) West End yang terletak di Woodlands.

“Ketika itu, setiap hujung minggu saya akan ke sana untuk menyiapkan aktiviti seperti menari dan bermain ‘game’.

“Selain itu, saya juga berpeluang untuk bertemu dengan sukarelawan yang lain yang datang daripada industri yang berlainan.

“Antaranya termasuk seorang pelajar yang sedang menceburi bidang pekerjaan sosial.

“Apabila saya berkongsi minat saya dan mengetahui lebih lanjut tentang sektor tersebut, saya terdorong untuk melakukan per-



tukaran pertengahan kerjaya,” kata beliau yang telah menjadi sukarelawan di sana selama lebih dari setahun.

Walaupun ghairah untuk menceburi bidang yang baru, beliau berkata perjalanan pengajiannya bukan mudah.

Perlu mengimbangi masanya bekerja sambil dan menghabiskan latihan amali ketika beliau hamil dengan anak pertamanya, Cik Atiqah berkata beliau menghadapi cabaran yang besar.

Keadaan diburukkan lagi ketika bapanya meninggal dunia akibat serangan jantung semasa penggal terakhirnya.

“Ia adalah sesuatu yang keluarga saya tidak jangkakan.

“Bapa saya merupakan salah satu tiang kekuatan untuk saya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

“Ketika itu saya rasa tertekan dan hilang arah tujuan saya untuk belajar. Saya berge-

lut secara fizikal dan mental,” kata anak kedua daripada tiga beradik itu.

Namun begitu, dengan sokongan suami dan keluarganya, ibu yang baru melahirkan seorang bayi perempuan itu berkata beliau terdorong untuk terus berusaha.

“Bapa saya telah membuat komitmen ketika saya muda untuk menanamkan minat belajar, kepentingan pendidikan, dedikasi dan nilai kerja keras.

BERTUKAR KERJAYA: Cik Nur Atiqah Khalid, 27 tahun, memilih untuk membuat pertukaran pertengahan kerjaya untuk menjadi seorang pekerja sosial. – Foto BH oleh KHALID BABA

“Saya berasa gembira bahawa sekarang saya dapat mencapai hasrat saya untuk membantu mereka yang memerlukan melalui kerja saya di NKF. Mungkin pada awalnya saya ragu-ragu tetapi sekarang, saya rasa ini adalah tindakan yang terbaik saya telah lakukan dalam kerjaya saya.”

– Cik Nur Atiqah Khalid.

“Kepercayaan dan prinsipnya telah memberi saya motivasi untuk menghabiskan pengajian saya kerana saya tahu bahawa beliau tidak ingin melihat saya berputus asa.

“Melihat keluarga saya teruskan kehidupan mereka dengan langkah positif walaupun sedang bersedih juga telah mendorong saya untuk mencontohi sikap positif yang sama,” kata beliau sambil menambah bahawa beliau tidak berasa sendirian semasa perjalanan yang mencabar ini.

Kini beliau bekerja di Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) sebagai kakitangan kerja sosial bersekutu.

Mengimbas kembali perjalanannya, Cik Atiqah berkata beliau tidak menyesal keputusannya untuk menukar kerjaya dan mengesakan orang ramai untuk terus mencapai impian mereka.

“Saya berasa gembira bahawa sekarang saya dapat mencapai hasrat saya untuk membantu mereka yang memerlukan melalui kerja saya di NKF.

“Mungkin pada awalnya saya ragu-ragu tetapi sekarang, saya rasa ini adalah tindakan yang terbaik saya telah lakukan dalam kerjaya saya,” katanya.

Terus komited walau galas tiga pekerjaan sambil dan kerja sukarela

MENGIMBANGI masa antara tiga pekerjaan sambil, menjadi sukarelawan dan bermain bola sepak mewakili universiti adalah tanggungjawab yang dipikulnya.

Namun begitu, Cik Natasha Mohd Thazah, graduan dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) tetap fokus dan komited untuk melakukan yang terbaik dalam pelajarannya serta komitmen yang lain.

Ketika dihubungi oleh *Berita Harian*, lulusan Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia berusia 24 tahun itu baru-baru ini berkongsi bahawa pengalamannya semasa di universiti telah membolehkannya bukan sahaja meningkatkan pengetahuan dalam bidang sumber manusia (HR), tetapi juga memperoleh kemahiran hidup yang penting.

Giati melakukan kerja-kerja kemasyarakatan, Cik Natasha, sukarelawan di Pusat Rainbow Yishun, berkongsi beliau telah berpeluang untuk bekerja bersama kanak-kanak yang berkeperluan khas.

“Pusat tersebut berdekatan dengan rumah saya dan saya sering mendengar suara mereka ketika sesi sedang berlangsung.

“Dari situlah saya mula ingin tahu lebih lanjut mengenai kanak-kanak berkeperluan khas ini.

“Melalui pengalaman ini, ia telah membuka minda saya dari segi masalah yang dialami oleh golongan yang berbeza di dalam masyarakat, terutamanya sektor keperluan khas,” katanya.

Tambahnya pengalaman tersebut juga telah membuatnya lebih peka terhadap keperluan dan masalah yang dihadapi orang lain serta memahami perbezaan masing-masing.

Menurut Cik Natasha, beliau turut aktif dalam kegiatan kokurikulum di universiti.

Anak bongsu dua beradik itu telah bermain dalam pasukan bola sepak wanita SUSS dan mewakili universiti itu.

Di luar universiti pula, beliau juga merupakan anak kepada penyanyi terkenal Wann, juga berbakat dalam seni muzik dan telah melakukan penampilan sulung semasa acara Sinar Lebaran pada 2020.

Mahu berdikari dari segi kewangan, Cik

“Memang penat dan susah untuk mengimbangi masa. Ketika itu, saya bekerja pada waktu pagi dan belajar sehingga larut malam. Mungkin orang ramai bertanya mengapa saya memilih untuk bekerja semasa tempoh ini, tetapi bagi saya pengalaman berlainan ini semua akan membantu saya dalam bidang HR.”

– Cik Natasha Mohd Thazah.

Natasha melakukan tiga pekerjaan sambil – sebagai pelatih bola sepak, pereka media sosial bebas dan bekerja secara sambil di syarikat Grab – semasa penggal terakhirnya.

Walaupun agak mencabar mengimbangi masanya, beliau berkata ia banyak membantu dari segi meningkatkan keyakinannya.

“Memang penat dan susah untuk mengimbangi masa. Ketika itu, saya bekerja pada waktu pagi dan belajar sehingga larut malam.

“Mungkin orang ramai bertanya mengapa saya memilih untuk bekerja semasa tempoh ini, tetapi bagi saya pengalaman berlainan ini semua akan membantu saya dalam bidang HR,” jelasnya.

Ditawarkan pekerjaan sepenuh masa di Grab setelah menunjukkan prestasi yang baik semasa menjalani latihan amalnya, Cik Natasha kini merupakan seorang Pegawai Pemerolehan Bakat di syarikat itu.

Berkongsi rancangannya untuk masa akan datang, anak muda itu berkata beliau ingin memberi tumpuan kepada kerjayanya.

“Buat sementara ini saya ingin menda-



NYANYI BERSAMA IBU: Di luar universiti, Cik Natasha, yang merupakan anak kepada penyanyi terkenal Wann, juga berbakat dalam seni muzik dan telah melakukan penampilan sulung semasa acara Sinar Lebaran pada 2020.

patkan pengalaman sebanyak mungkin dalam industri ini.

“Insyaallah jika di beri peluang, saya akan terus meningkatkan kemahiran saya lagi melalui latihan atau lanjutkan pelajaran saya,” ujarnya.



TETAP FOKUS PADA PELAJARAN: Walaupun sibuk dengan pelbagai kegiatan, Cik Natasha Mohd Thazah, 24 tahun, tetap fokus demi berprestasi baik dalam pelajarannya serta komitmen yang lain. – Foto-foto BH oleh NUR DIYANA TAHA